

14 JAN 2002

Abdullah-PBS

PARTI KOMPONEN BN BOLEH BERI PANDANGAN MENGENAI PERMOHONAN PBS

KOTA KINABALU, 14 Jan (Bernama) -- Semua parti komponen Barisan Nasional (BN) akan berpeluang memberi pandangan masing-masing mengenai permohonan Parti Bersatu Sabah (PBS) menyertai semula BN pada mesyuarat BN akan datang, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menurutnya, sebarang keputusan yang dicapai mengenai perkara itu hendaklah dibuat secara sebulat suara.

"Pada waktu ini, tidak ada parti komponen Barisan Nasional (BN) yang menentang (permohonan PBS)," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Konvensyen Penerangan Umno Sabah 2002 di sini hari ini.

Bulan lepas, Ketua Menteri dan juga Pengerusi BN Sabah Datuk Chong Kah Kiat berkata pemimpin komponen parti BN dijangka mengadakan mesyuarat bulan Januari ini bagi membincangkan permohonan PBS.

Ditanya bilakah mesyuarat tersebut akan diadakan, Abdullah yang juga Timbalan Pengerusi BN berkata ia akan diadakan tidak lama lagi.

Mengenai kemungkinan berlakunya rombakan kabinet negeri, Timbalan Perdana Menteri berkata ia tidak perlu memandangkan PBS tidak meletakkan sebarang syarat ketika menyatakan keinginannya untuk menyertai semula BN.

"Mereka hanya mahu menjadi keluarga Barisan Nasional (BN), itu saja... tanpa memberikan sebarang syarat," kata Abdullah.

Pada 15 Nov tahun lepas, Presiden PBS Datuk Joseph Pairin Kitingan menyerahkan permohonan parti itu untuk menyertai semula BN kepada Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya.

PBS meninggalkan BN sebelas tahun yang lalu menjelang pilihan raya umum 1990.

--BERNAMA

HAK ZB